



STRATEGI JABATAN AGAMA KETIKA PANDEMIK COVID-19

NurSuhaila Idayu Amran¹ & Safinah Ismail¹

¹Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Safinah Ismail. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: safinah@kuis.edu.my.

Abstrak

Seluruh dunia telah dilanda pandemik COVID-19 dan hal ini menyebabkan pelbagai aktiviti keagamaan turut diberhentikan buat seketika bagi mengelakkan berlakunya jangkitan virus yang sangat berbahaya ini. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji strategi yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) bagi mengurangkan kes COVID-19 di Perlis. Metodologi kajian ini adalah kajian kualitatif. Kajian ini memfokuskan kepada kajian kes yang dijalankan di Pejabat Jabatan Agama Islam Perlis bahagian Dakwah, Kangar, Perlis. Pengumpulan data melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi Jabatan Agama Islam Perlis dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan ketika pandemik COVID-19 di Perlis adalah dengan mengikut Standard Operasi Prosedur (SOP) yang telah ditetapkan ketika melakukan aktiviti keagamaan, membuat pelbagai aktiviti kepada semua lapisan masyarakat secara atas talian dan membenarkan jemaah untuk raptkan saff solat di masjid ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP). Adalah diharapkan agar Jabatan Agama Islam Perlis akan sentiasa memberi yang terbaik dan masyarakat sentiasa mengikut arahan yang telah ditetapkan demi kebaikan bersama.

Kata kunci: Strategi, Jabatan Agama Islam Perlis, aktiviti keagamaan, COVID-19.

(STRATEGY OF THE DEPARTMENT OF RELIGION DURING THE COVID-19 PANDEMIC)

The whole world has been hit by the COVID-19 pandemic and this has caused a temporary cessation of various religious activities to curb the menacing virus from spreading. This study aims to examine the strategy used by Perlis Islamic Religious Department (JAIPs) in an attempt to reduce the number of COVID-19 cases in Perlis. The methodology for this study is a qualitative study. This study focuses on a case study conducted at the Office of the Perlis Islamic Religious Department, Dakwah Division, Kangar, Perlis. Data collection is made through interview and observation methods. The findings of the study show that the Perlis Islamic Religious Department` strategy in the implementation of religious activities during the spread of COVID-19 in Perlis requires following the Standard Operating Procedures (SOP) that have been set when performing religious activities, organising various online activities for all levels of society, and allowing congregants to pray side by side during the Movement Control Order (MCO). It is hoped that the Perlis Islamic Religious Department will always give their best and that the community will abide by the directions that are set for everyone's well-being.n

Keywords: Strategy, Perlis Islamic Religious Department, religious activities, COVID-19.

Received: October 27, 2022

Accepted: December 27, 2022

Online Published: December 31, 2022

1. Pendahuluan

Pada musim pandemik COVID 19, segala aktiviti telah disekat termasuklah aktiviti keagamaan. Jadi, jabatan agama Islam di seluruh negeri telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menguruskan hal keagamaan. Kajian ini yang bertapak di Perlis dan pengkaji memilih tajuk Strategi Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) tentang aktiviti keagamaan ketika pandemik COVID 19 di Perlis.

Tugas - tugas menyebarkan dakwah islamiah merupakan satu tanggungjawab yang tiada noktah akhir walaubagaimanapun keadaannya. Menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan masyarakat mendapat pengetahuan agama Islam yang sebenar berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah. Pengkaji mendapati bahawa Jabatan Agama Islam Perlis bertindak sebagai penyelaras dalam memastikan penyebaran pengetahuan agama Islam agar tidak menyimpang dari nas dan tuntutan yang sebenar. Pihak JAIPs telah memberikan sumbangan yang sangat membantu kepada seluruh rakyat Perlis terutamanya dalam hal pengurusan keagamaan.

Segala aktiviti keagamaan telah manjadi rujukan kepada Jabatan Agama Islam Perlis bukan sahaja pada musim pandemik COVID-19 ini, bahkan juga tetap menjadi sumber rujukan utama di Negeri Perlis. Sebagai contoh, pada musim COVID-19 ini, laungan azan yang telah diubah daripada biasa yang menyeru agar semua muslim untuk solat di rumah

sahaja. Selain itu, pembukaan masjid juga langsung tidak dibenarkan bagi menjaga keselamatan semua untuk tidak menjangkiti virus yang berbahaya ini. Semua waktu solat lima waktu dan juga solat Jumaat tidak dibenarkan selama berminggu - minggu. Perlis adalah antara negeri terawal yang menyekat solat Jumaat pada minggu pertama penyebaran COVID 19 ini.

2. Latar Belakang Kajian

COVID 19 ini sememangnya memberi kesan yang sangat mendalam kepada seluruh negara samada dari segi politik, sosial, ekonomi dan yang paling penting sekali adalah dari segi keagamaan (Nur Mohamad Hadi bin Zahalan, 2021). Tanpa aktiviti keagamaan yang strategik, negara akan terlihat mundur dan kecundang kerana Negara Malaysia dikenali sebagai negara Islam yang dicontohi. Bahkan pula pengiktirafan agama utama di Malaysia adalah agama Islam. Pada awal - awal musim COVID 19 ini, seluruh masyarakat diwajibkan untuk tidak keluar rumah kecuali ketua keluarga sahaja yang dibenarkan keluar dengan tujuan untuk membeli barang keperluan.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa virus COVID 19 ini adalah sangat berbahaya dan mudah merebak. Tindakan daripada Jabatan Agama Islam Perlis untuk tidak membenarkan solat Jumaat dan segala aktiviti imarah masjid pada minggu pertama virus ini tersebar luas adalah tindakan yang sewajarnya kerana jangkitan virus di Perlis dapat dibendung dengan baik. Justeru itu, strategi JAIPs tentang aktiviti keagamaan pada musim pandemik COVID 19 masih mengikut rujukan kedaulatan Agong dan Perdana Menteri yang memegang kuasa seluruh negara Malaysia.

3. Permasalahan Kajian

Aktiviti keagamaan pada musim COVID 19 telah mendapat gambaran yang tidak tepat oleh masyarakat. Mereka sering didedahkan dengan tanggapan bahawa aktiviti keagamaan adalah punca utama penyebaran virus COVID 19. Hal ini adalah kerana pada awal - awal musim COVID 19, kluster penyebaran virus ini adalah disebabkan oleh perhimpunan Tabligh yang telah diadakan di Seri Petaling, Kuala Lumpur (Suraya Roslan, 2020). Oleh yang demikian, pihak Jabatan Agama Islam Perlis telah mengambil inisiatif yang sewajarnya dengan menutup semua masjid dan surau bagi mengelakkan penularan virus yang sangat berbahaya ini demi kebaikan bersama.

Perlis telah menutup masjid lebih awal dari negeri - negeri lain untuk tidak mengadakan solat Jumaat bagi mengurangkan kes COVID 19 Walaupun perkara ini menjadi isu kerana peningkatan kes di Perlis adalah rendah berbanding di negeri - negeri lain namun tindakan ini adalah satu inisiatif yang sangat baik (Ahmad Sirajuddin, 2020). Persoalan yang dibangkitkan oleh masyarakat telah diberi penerangan dan pencerahan yang jelas oleh Jabatan Agama Islam Perlis bagi meredakan keadaan tentang 'pembatalan' solat Jumaat dan penutupan masjid - masjid dan surau - surau di seluruh negeri. Namun begitu, bukan sahaja di negeri Perlis yang membuat sebegini. Selepas Perdana Menteri Malaysia mengeluarkan arahan untuk menutup semua masjid dan surau yang telah diperkenankan oleh kedaulatan

Agong, maka seluruh Malaysia telah menutup masjid, surau dan segala aktiviti keagamaan adalah dilarang sama sekali pada musim COVID 19 ini.

Rentetan daripada itu, salah faham masyarakat tentang majlis keramaian bukan sahaja tertumpu hanya kepada keagamaan, bahkan ia meliputi segala aktiviti keramaian seperti di pusat membeli - belah, sekolah mahupun ke tempat kerja dan sebagainya. Hal ini telah mengakibatkan implikasi yang besar terhadap penyampaian dakwah kepada masyarakat. Jadi, sebagai pihak yang berkuasa dalam hal - hal keagamaan, Jabatan Agama Islam Perlis telah membuat strategi tentang aktiviti keagamaan pada musim pandemik COVID 19 yang kian berleluasa ini (Ahmad Sirajuddin, 2020). Mahupun begitu, setelah kerajaan Malaysia berjaya membendung penularan wabak COVID 19 ini pada pertengahan bulan Jun 2020, tetapi pergerakan masyarakat masih terbatas.

Hal ini kerana, penyebaran virus ini masih di 'ambang' pemulihan. Oleh kerana masih tidak ada lagi ubat atau penawar yang sesuai dengan perubahan virus COVID-19 ini, maka pihak kerajaan Malaysia tetap membendung dan mengawal pergerakan masyarakat daripada bebas bergerak. Walaupun negara telah mengalami kemerosotan dari segi ekonomi, namun dengan simpanan wang negara, sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat daripada putus asa kerana ada yang hilang punca pendapatan. Perkara ini bersesuaian dengan tindakan jabatan agama Islam di seluruh negeri dengan membantu mengurangkan risiko kemurungan masyarakat.

Perkara ini telah banyak didengar dan disebarkan kerana ada yang berputus asa dengan ujian yang telah diturunkan oleh Allah kerana hilang punca pendapatan. Sepertimana dalam kajian ini, pengkaji memilih tapak kajian di Perlis dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perlis iaitu berkongsi maklumat tentang aktiviti keagamaan pada musim COVID-19 ini. Jabatan Agama Islam telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Perlis iaitu dalam memberi sumbangan kepada yang memerlukan. Dua pihak pengurusan ini telah memberi sumbangan dalam bentuk fizikal dan mental.

Sebagai contoh, jabatan agama Islam dan majlis agama Islam di Perlis telah memberi dan menyediakan sumbangan pakaian, makanan, keperluan dapur dan keperluan rumah kepada yang memerlukan (MAIPs, 2020). Hal ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan ketidakstabilan punca pendapatan masyarakat di Perlis. Dari segi mental pula, Jabatan Agama Islam Perlis juga menyediakan platform - platform ilmiah di alam maya atau secara atas talian. Ini telah memberi sokongan kepada masyarakat agar tidak berputus asa dalam ujian yang sedang dunia hadapi. Apabila masyarakat dapat dibendung dan dikawal pemikiran mereka, maka hal - hal keagamaan dan lain -lain mudah difahami dan diikuti.

Dalam pada itu, Jabatan Agama Islam Perlis juga mengarahkan kepada masjid - masjid untuk mengumpul dana dalam qaryah masing - masing sebagai persediaan kecemasan dalam penularan wabak COVID-19 ini (MAIPs, 2020). Bagi memperkasakan penyebaran dakwah Islam, persepsi negatif masyarakat tentang kesan COVID 19 ini perlu diselidiki bagi mengetahui tanggapan sebenar demi keselamatan bersama. Oleh yang demikian, pengkaji tertarik untuk mengkaji strategi Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) tentang aktiviti keagamaan pada musim pandemik COVID 19 di Perlis.

4. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif ini dipilih kerana ia lebih sesuai untuk mengetahui motif yang wujud dalam sesebuah organisasi dan melihat situasi sebenar yang berlaku termasuk mengalami persekitaran yang dikaji (Siti Hajar et al., 2018).

Kajian ini memfokuskan kepada satu tempat atau *single case single site*. Kes yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah strategi Jabatan Agama Islam Perlis tentang aktiviti keagamaan ketika COVID-19 di Perlis. Kajian kes menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Berdasarkan tujuan tersebut, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan. Peserta kajian ini adalah terdiri daripada Imam Besar Negeri Perlis dan Pegawai bahagian Dakwah. Oleh kerana proses temu bual berlaku di pejabat yang dikhaskan maka situasi persekitaran yang aman dan jauh daripada sebarang gangguan dapat dielakkan. Ini memberi peluang untuk memeriksa, meneliti dan memerhati secara beriteraksi dengan peserta kajian bagi mengumpulkan data. Dengan kaedah ini, Strategi Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) tentang aktiviti keagamaan pada musim pandemik COVID 19 di Perlis dapat dikaji dengan baik dan ia berlaku untuk memberi gambaran secara holistik ketika kajian dijalankan.

Penggunaan metode temubual dan pemerhatian ini digunakan bagi mengumpul data dengan mengadakan temubual dengan pihak-pihak tertentu. Dalam kajian ini, pengkaji menemubual beberapa orang informan seperti para pegawai unit dakwah di Pejabat Agama Islam Perlis (Kamal Azmi, 2017). Penyelidik menggunakan kaedah temubual semi struktur iaitu menggabungkan ciri - ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri - ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. (Othman 2006).

5. Dapatan dan Perbincangan

Ketika jangkitan pandemik COVID -19 yang mana kadang meningkat dan kadang menurun, maka pihak berkuasa telah membuat strategi kepada masyarakat bagi mengelakkan jangkitan virus ini kepada orang ramai dengan cepat. Ini adalah kerana, jangkitan virus ini bukan sahaja berbahaya apabila dijangkiti, bahkan juga sehingga membawa kepada kes kematian. Maka virus COVID-19 ini sangatlah berbahaya kepada semua lapisan masyarakat dan strategi yang baik mestilah dipatuhi bersama - sama (Kementerian Kesihatan Malaysia). Oleh itu, pengkaji akan mengulaskan dengan lebih mendalam apakah strategi yang digunakan oleh jabatan agama Islam.

i. Menetapkan Peraturan Untuk ke Masjid Ketika COVID-19

Virus penyebab COVID-19 boleh tersebar melalui cecair pernafasan seperti air liur, kahak dan lain - lain yang boleh mencemari udara, tangan dan permukaan. Jika seseorang dijangkiti datang ke masjid, ia boleh tersebar sekiranya tangan tercemar memegang pili air, pemegang pintu dan bersalaman dengan jemaah lain. Namun demikian, jemaah yang berhampiran akan berisiko menghidu udara tercemar sekiranya individu terbahit bersin, batuk dan bercakap dalam jarak yang dekat dan tidak memakai pelitup muka dengan betul. Dalam pada itu, sejadah atau tikar sembahyang adalah peralatan yang paling mudah dicemari kerana ketika sujud, cecair pernafasan mudah terpercik ke permukaannya. Maka sewajarnya apabila Jabatan Agama Islam telah mengeluarkan peraturan dengan membawa sejadah sendiri ke masjid bagi menunaikan solat secara berjemaah (Nurul Azmawati Mohamed, 2020).

Malah, peraturan yang diperkenalkan adalah jemaah tidak boleh membawa sejadah yang kecil atau dikenali sebagai sejadah muka sahaja, tetapi sejadah besar yang mana tangan, lutut dan kaki mestilah berada di atas sejadah yang dibawa ketika menunaikan solat. Namun, masyarakat mestilah berfikir logik dan panjang dengan tidak berkongsi peralatan sembahyang dengan sesiapa pun sebagai langkah berjaga-jaga. Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata Kementerian Kesihatan mendedahkan jangkitan virus itu sudah menular dalam kalangan ramai kanak-kanak.

Perkara ini perlu diingatkan seseorang dewasa itu boleh menjadi pembawa virus tanpa dia menunjukkan sebarang gejala (Nurul Azmawati Mohamed, 2020). Dalam menghadapi pandemik COVID-19, pihak kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah pematuhan garis panduan operasi standard (SOP) terutamanya berkaitan pelaksanaan ibadah. SOP yang dilaksanakan secara tidak langsung menzahirkan pengaplikasian konsep murunah dengan lebih jelas (Irwan Mohd Subri, 2020). Justeru, ibu bapa mestilah mengelak daripada dijangkiti dengan cara kurang berjumpa orang, tidak kunjung-mengunjung, amalkan sanitasi diri dan sentiasa memakai pelitup muka.

ii. Penetapan Mengikut Kapasiti Masjid

Dapat dilihat dengan jelas bahawa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) contohnya, menanggungkan solat Jumaat dan lima waktu berjemaah serta aktiviti pengimarahkan lain dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menegaskan bahawa solat berjemaah hanya boleh dilaksanakan dengan tidak melebihi enam jemaah. COVID-19 ini dijangka akan menjadi seperti Endemik (influenza) di seluruh dunia. Ini bermakna, virus akan sentiasa ada di dalam komuniti selagi imuniti kelompok belum dicapai. Pembukaan semula Masjidil Haram dan Masjid Nabawi kepada orang awam, patut dicontohi. Bilangan jemaah ditetapkan mengikut keluasan masjid tersebut. Malah, sistem pemahan untuk solat berjemaah dicadangkan untuk dilaksanakan seperti di kedua - dua masjid itu.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, ia harus memberi keutamaan kepada jemaah tidak mempunyai sakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, asma dan sebagainya. Malahan, golongan berisiko tinggi mendapat komplikasi serius jika dijangkiti juga mestilah diteliti

agar tidak hadir ke masjid buat sementara waktu. Pengguna sistem ini perlu mempunyai komitmen tinggi untuk hadir pada tarikh dan waktu tempahan. Namun, sekiranya ada jemaah yang tidak dapat hadir atau mempunyai halangan, pembatalan tempahan harus dibuat supaya dapat memberi laluan kepada jemaah yang dalam senarai menunggu (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020).

iii. Sumbangan atas Talian

Kemudian, dari segi konteks sumbangan ke tabung masjid, disarankan agar ia hanya menggunakan perbankan dalam talian, bukan lagi tabung fizikal, terutama tabung bergerak ketika solat Jumaat. Hal ini adalah kerana sentuhan tabung dari seorang ke orang lain adalah salah satu risiko yang besar. Bahkan bukan sentuhan tabung sahaja, wang juga adalah salah satu yang berisiko tinggi serta melekat di wang tersebut. Pihak masjid juga boleh mengambil inisiatif iaitu dengan memaparkan nombor akaun masjid di sekitar kawasan masjid atau kariah. Pandemik COVID-19 menyebabkan kita perlu mengamalkan norma baharu untuk memutuskan rantaian jangkitan. Masyarakat tidak harus terus merungut dengan SOP terbabit, sebaliknya cuba menyesuaikan diri secara kreatif dan inovatif. Walaupun sukar mendengar ceramah dan memberi sumbangan di masjid, kita boleh menggunakan teknologi (Nurul Azmawati et.al, 2020).

Bagi institusi masjid dan surau, SOP perlu dibuat berdasarkan situasi semasa, saiz ruang serta jumlah pekerja atau sukarelawan. Satu SOP tidak boleh diguna pakai oleh semua masjid atau surau. Hal ini adalah kerana keluasan sesebuah masjid atau surau adalah tidak sama mengikut kepadatan kapasiti yang dibenarkan sahaja bagi menunaikan solat secara berjemaah di masjid atau surau supaya penjarakkan fizikal anatara satu sama lain dapat dipraktikkan. Untuk solat berjemaah, cuba dapatkan slot di masjid atau kita boleh berjemaah bersama ahli keluarga di rumah disamping dapat mengeratkan kembali silaturahim sesama keluarga.

iv. Strategi Jabatan Agama Islam dari Semasa ke Semasa

Dari semasa ke semasa, pandemik COVID-19 telah beransur pulih pada fasa pertama dengan pematuhan SOP ketat yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Semasa PKP ini, semua orang adalah tidak dibenarkan untuk keluar rumah langsung kecuali ketua keluarga sahaja untuk membeli barang keperluan rumah. Maka, pihak kerajaan berjaya membendung penularan wabak COVID-19 ini dengan baik. Kemudian, apabila pihak kerajaan cakna terhadap keperluan masyarakat yang memerlukan pendapatan untuk sara hidup, kesihatan mental apabila tidak boleh keluar rumah dan lain - lain. Jadi, pihak kerajaan telah mengambil inisiatif iaitu memberi kebenaran keluar rumah yang tiada had jarak dari rumah tetapi sambil menjaga SOP yang telah ditetapkan agar tidak mudah berjangkit.

Oleh yang demikian, beberapa negeri yang rendah daripada jangkitan COVID-19 ini, pembukaan masjid dan surau dibenarkan untuk jemaah hadir dan majlis - majlis agama juga dibenarkan untuk diadakan. Tetapi, jabatan agama Islam tidak membenarkan majlis akad nikah di masjid kecuali di pejabat agama sahaja bagi mengelakkan majlis keramaian atau kehadiran orang ramai (Ramzhdan, 2021).

v. Penetapan Sambutan Ramadhan dan Perayaan Tahun 2020

Ramadhan Tahun Hijrah 1441 atau 2020 adalah tahun yang tiada solat sunat taraweh, iftar atau majlis berbuka puasa serta pengimarah masjid ketika 10 malam terakhir di masjid. Umat Islam pada ketika itu hanya dibenarkan untuk solat taraweh di rumah sahaja samada secara berjemaah atau sendiri. Bahkan bukan itu sahaja, bazar Ramadhan yang menjual makanan berbuka puasa hanya dibenarkan sekejap sahaja tanpa adanya perhimpunan orang ramai. Pihak berkuasa seperti polis, askar, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan sebagainya telah diarahkan untuk selalu membuat rondaan bagi mengelakkan orang ramai berkumpul pada tempat yang sama tanpa penjarakkan sosial 1 meter (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020).

Semasa musim perayaan tahun 2020 juga tiada sambutan meriah seperti rumah terbuka dan solat hari raya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Tetapi, dalam Islam solat sunat hari raya Aidilfitri mahupun Aidiladha boleh dilakukan di rumah atau mana-mana tempat yang bersesuaian jika memenuhi rukun solat sunat hari raya. Pelbagai suasana yang dapat dilihat seperti solat sunat hari raya di rumah semasa musim PKP bersama ahli keluarga dengan khutbah yang boleh didapati di laman sesawang Jabatan Agama Islam di negeri masing - masing. Dapatlah disimpulkan disini bahawa Islam itu mudah dan fleksible mengikut masa dan tempat. Tujuan Jabatan Agama Islam melakukan seperti ini bukanlah untuk menyekat aktiviti keagamaan semata - mata, tetapi adalah untuk kebaikan semua (Umar Mukhtar Mohd Noor, 2020). Lantaran daripada itu, takbir hari raya juga adalah dibenarkan tetapi terhad hanya kepada imam, bilal atau wakil daripada ahli jawatankuasa masjid sahaja. Selain daripada takbir dan solat sunat hari raya, menziarahi saudara - mara di hari raya juga telah digantikan dengan berhubung menggunakan alat komunikasi massa dan media sosial bersama sanak saudara bagi mematuhi norma baharu semasa pandemik COVID-19 ini (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020).

6. Penutup

Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) memainkan peranan penting bagi membendung jangkitan virus yang berbahaya ini kepada orang ramai berdasarkan daripada aktiviti - aktiviti keagamaan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa bagi memenuhi tuntutan daripada masyarakat agar sentiasa dapat melakukan aktiviti keagamaan seharian. Dalam pada itu, Jabatan Agama Islam Perlis bukan sahaja mengawal dari segi aktiviti semata - mata bahkan dari segi bantuan kepada yang terjejas ketika COVID-19 ini juga Jabatan Agama Islam Perlis dengan kerjasama daripada Majlis Agama Islam Perlis telah memainkan peranan yang penting dengan menjaga kebajikan mereka yang memerlukan dari sudut kewangan ataupun keperluan barangan dapur dan sebagainya. Secara tidak langsung, Jabatan Agama Islam Perlis telah meringankan beban pihak kerajaan demi kebaikan bersama-sama pada masa akan datang. Oleh yang demikian, segala peraturan, SOP dan syarat-syarat yang diberikan oleh pihak Jabatan Agama Islam Perlis bukan dibuat tanpa arah tujuan atau tanpa usul, tetapi ianya dibuat demi kebaikan bersama untuk masa sekarang dan pada masa akan datang. Hal ini adalah kerana jangkitan virus yang sangat berbahaya ini bukanlah perkara yang boleh dibuat main - main, tetapi mestilah dipandang secara serius oleh semua lapisan masyarakat.

Rujukan

- Ahmad bin Faris, I. F. (1979). *Mu'jam al-Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Sirajuddin, U. (2020, September 2). Aktiviti Keagamaan. (A. NurSuhaila Idayu, Interviewer)
- Anas Mohd Bhukhari, Irwan Mohd Subri. (2020). Mendepani Cabaran Pandemik Covid-19 Di Malaysia: Aplikasi Konsep Murunah Dalam Fiqh Ibadah. *Perdana*.
- COVID 19. (2020). Retrieved from Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Muhammad Yusuf Marlon ABdullah, Ahmad Faqih Ibrahim, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah Dimon, Sahlawati Abu Bakar . (2017). *Metodologi Penyelidikan, Asas - asas Ilmu Penyelidikan Islam*. Selangor: Minda Intelek Agency.
- Muhammad Fauzan Mohamad. (2021, September, 19). Masjid di Perlis dibuka sepenuhnya pada Rabu dengan SOP ketat. Berita Awani. Retrieve From <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masjid-di-perlis-dibuka-sepenuhnya-pada-rabu-dengan-sop-ketat-320558>
- Nur Izati Mohamad. (2021, Mac, 20). JAKIM memperincikan SOP masjid, surau ketika Ramadan dan Aidilfitri. Harian Metro. Retrieve From

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/03/824157/jakim-memperincikan-sop-masjid-surau-ketika-ramadan-dan-aidilfitri>

NurSuhaila Idayu Amran. (2021, September 23). Temubual Pegawai JAIPs. (Ameer Ikhwan Zaini, Interviewer)

Nurul Azmawati Mohamed dan Mohd Dzulkhairi Mohd Rani . (2020). *Sesuaikan amalan norma baharu di masjid, surau*. Berita Harian.

Othman Lebar . (2006). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ramzdhan. (2021, Januari 11). *Pembawa virus COVID 19*. Retrieved from Forum Kesihatan. Retrieved from Doctor on Call: : <https://www.doctoroncall.com.my/tanya/soalan/pembawa-virus-covid-19/123634>

Siti Hajar Abu Bakar Ah, Siti Balqis Mohd Azam, Haris Abdul Wahab . (2018). Kekuatan Dan Limitasi Refleksi Emosi Dalam. *Sarjana*, 13.

Umar Mukhtar Mohd Noor. (2016, Mac 15). *Irsyad Al-Hadith Siri Ke-23 : Status Hadis Menuntut Ilmu Dari Buaian Ke Liang Lahad*. Retrieved from Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: : <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1508-irsyad-al-hadith-siri-ke-23>